

30/06/2001

Masalah NGO cari publisiti murah di Kampung Medan

Magendran Rajagopal

SIKAP segelintir pertubuhan bukan kerajaan (NGO) daripada masyarakat India yang mencari publisiti murah berikutan tragedi pergaduhan Kampung Medan tidak lama dulu menarik perhatian kebanyakan akhbar Tamil minggu ini.

Tamil Nesan (Nesan) melaporkan kumpulan NGO terbabit nampaknya lebih cenderung mencari kesalahan orang lain, khususnya agensi kerajaan serta MIC, daripada menghulurkan bantuan secara ikhlas.

Akhbar itu, dalam editorialnya, mengulas tindakan sebuah NGO, Kumpulan Warga Prihatin (GCC) yang mengadakan sidang akhbar sempena genap 100 hari isu Kampung Medan.

Beberapa mangsa kecederaan dan balu mangsa dijemput menerima bantuan dan mendapatkan maklum balas terkini mengenai kebajikan mereka, terutama sumbangan MIC.

Editorial juga menegur GCC kerana tidak bekerjasama dengan MIC atau sekurang-kurangnya menghubungi parti itu bagi mendapatkan penjelasan sebelum membuat keputusan bahawa MIC tidak langsung membantu mereka yang terbabit.

Sementara itu, Malaysia Nanban (Nanban) pula melaporkan kejadian itu harus dijadikan iktibar oleh pemimpin MIC untuk turun padang dan mendampingi penyokong mereka pada peringkat akar umbi yang semakin hilang keyakinan terhadap parti.

Memetik ucapan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, ketika perhimpunan agung parti bulan lalu, Nanban melaporkan kebimbangan yang disuarakan beliau mengenai peningkatan pengaruh NGO berbanding MIC dalam menyelesaikan masalah rakyat kini menjadi kenyataan.

Sehubungan itu, pucuk pimpinan MIC disaran mencerminkan diri masing-masing bagi memperbetulkan kepincangan tanpa terus membiarkan semua beban berkaitan kebajikan masyarakat India diuruskan Samy Vellu sendiri.

Pelantikan setiausaha politik berbangsa Cina untuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut menjadi berita hangat dalam akhbar Tamil tempatan yang menimbulkan persoalan sama ada pelantikan ini akan disusuli dengan seorang lagi setiausaha politik berbangsa India.

Nesan, dalam laporannya, berkata tindakan Dr Mahathir melantik setiausaha politik berbangsa Cina membolehkan beliau mendapat maklumat terkini mengenai kedudukan dan keperluan semasa mereka.

Bagaimanapun menurut Nesan, kebajikan masyarakat India kini sudah cukup terjaga.

Sebaliknya, Nanban pula berpendapat pelantikan setiausaha akhbar berbangsa India akan membolehkan Perdana Menteri mendapat gambaran sebenar yang telus mengenai kedudukan masyarakat, bukan daripada persepsi parti politik.

Tambahan pula, menurut Nanban, perjumpaan mingguan Kabinet tidak memberi kesempatan mencukupi bagi Samy Vellu mengenengahkan semua keperluan serta masalah yang dihadapi masyarakat India tempatan kepada Dr Mahathir.

(END)